

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**RESTORAN SERI MELAYU, KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS PELANCARAN KELUARAN EDISI KHAS WIRA SOFT TOY,**  
**MASKOT SUKOM**  
**06 SEPTEMBER 1996**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama di Restoran Seri Melayu untuk menyaksikan Majlis Pelancaran keluaran edisi khas atau special edition Wira Soft Toy, Maskot Sukan Komanwel (SUKOM).
2. Sepertimana yang para hadirin maklum, negara kita akan menjadi tuan rumah untuk mengendalikan Sukan Komanwel ke-16 pada tahun 1998, iaitu lebih kurang dua tahun dari sekarang.
3. Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih atas undangan untuk melancarkan Wira Soft Toy dengan rasminya. Saya difahamkan hanya 1,000 ekor edisi khas Wira Soft Toy ini dikeluarkan sebagai 'collector's item' untuk dijual di Malaysia dan seluruh 68 negara Komanwel.
4. Kepada badan-badan korporat yang telah memberi sokongan dalam kempen ini saya ucapkan terima kasih, kepada badan-badan korporat yang lain, masih ada peluang lagi untuk memilikinya dan sekaligus dapat memberi bantuan untuk kita bersama-sama menjayakan Sukan Komanwel ini, insya-Allah.
5. Dengan ini, sukacita saya mengisytiharkan bahawa Wira Soft Toy, maskot SUKOM dilancarkan dengan rasminya.